




BINA
INTEGRITI
JAUHI
RASUAH.

Apa Itu Rasuah¹?

Penerimaan atau pemberian suapan sebagai upah atau dorongan untuk seseorang individu kerana melakukan atau tidak melakukan sesuatu perbuatan yang berkaitan dengan tugas rasmi. Suapan terdiri daripada wang, upah, hadiah, undi, bonus, jawatan, diskaun & perkhidmatan.



Rasuah Dalam Pemberian & Penerimaan Hadiah²

Amalan memberi hadiah atau buah tangan selalunya diibaratkan sebagai sedekah atau tanda penghargaan dan pengiktirafan daripada pemberi

Amalan ini memanglah dianggap baik seandainya pemberian itu dibuat dengan niat yang ikhlas, jujur dan bertujuan untuk mengeratkan persahabatan dan ukhuwah antara pemberi dan penerima.

Namun, pemberian hadiah itu boleh menjadi rasuah apabila hadiah itu diberi dengan tujuan untuk mendapatkan sesuatu keistimewaan, keuntungan, perkhidmatan daripada pihak yang berkaitan dengan tugas atau urusan rasminya dan ianya akan menjadi 'barah' dalam masyarakat.

Masyarakat pada umumnya masih tidak begitu jelas sama ada pemberian atau penerimaan sesuatu hadiah itu dibolehkan mengikut undang-undang dan peraturan yang sedia ada. Kesamaran ini berkemungkinan berpunca daripada keadaan di mana adakalanya hadiah atau tanda ingatan yang pada peringkat awalnya memang boleh diterima atau diberi, tetapi disebabkan adanya faktor kepentingan (favour) iaitu urusan rasmi dengan sesuatu jabatan atau majikan boleh menjurus kepada perbuatan rasuah yang merupakan satu kesalahan.

Polisi Hadiah Bagi Sektor Swasta & Korporat³

Bagi sektor swasta dan korporat pula, Polisi Penerimaan dan Pemberian Hadiah dibangunkan di peringkat organisasi sendiri. Kebanyakan syarikat mengambil inisiatif melaksanakan Polisi Pengurusan Hadiah sebagai panduan yang jelas dan terperinci bagi

¹ https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=75&articleid=478

² https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=2170&cat=BKH

³ https://www.sprm.gov.my/index.php?id=21&page_id=103&contentid=2170&cat=BKH

warga kerja organisasi dalam mengatasi sebarang isu serta menjawab sebarang pertanyaan dan kemusykilan berkaitan hadiah.

Polisi Penerimaan dan Pemberian Hadiah dihebahkan kepada seluruh warga kerja bagi memupuk kesedaran dan meningkatkan pemahaman tentang tatacara penerimaan dan pemberian hadiah yang betul. Kebanyakan syarikat juga mengenakan penalti dan tindakan tatatertib yang tegas terhadap mana-mana staf atau kakitangan yang ingkar atau gagal mematuhi Polisi Hadiah yang telah ditetapkan.

Selain itu juga, Polisi ini juga diwar-warkan kepada pemegang taruh (stakeholders), pihak ketiga (third parties) seperti vendor atau pembekal dan orang awam bagi mempertahankan etika kerja dan ketelusan dalam hubungan dan aktiviti perniagaan untuk mengelakkan percanggahan kepentingan.

Jenis-Jenis Kesalahan Rasuah Mengikut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

Berdasarkan ASPRM 2009 (Akta 694), terdapat empat kesalahan rasuah yang utama iaitu:

- i. Meminta / Menerima rasuah⁴
- ii. Memberi suapan⁵
- iii. Mengemukakan tuntutan palsu⁶
- iv. Salah guna kuasa⁷

⁴ Seksyen 16 & 17 (a) Akta SPRM 2009

⁵ Seksyen 17 (b) Akta SPRM 2009



Disediakan oleh;
Jabatan Pengurusan Pelan Strategik (JPPS)

⁶ Seksyen 18 Akta SPRM 2009

⁷ Seksyen 23 ASPRM 2009